

STPM Kertas 1 Set KVK 3:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

- (a) Dua andaian atau prinsip perakaunan yang bersesuaian bagi menyokong keputusan yang dibuat oleh pemilik perniagaan berkenaan dalam setiap situasi:
1. Andaian usaha berterusan dan prinsip kos sejarah.
Andaian usaha berterusan merujuk kepada penyediaan maklumat kewangan dengan andaian bahawa sesuatu entiti perniagaan akan beroperasi untuk tempoh masa hadapan yang selamalamanya, iaitu hayat perniagaan adalah kekal. Oleh yang demikian, ciri maklumat kewangan mementingkan ciri kebolehpercayaan daripada ciri relevan. Untuk memenuhi ciri kebolehpercayaan ini, prinsip kos sejarah digunakan berbanding dengan prinsip nilai saksama. Prinsip kos sejarah merekod kos aset secara objektif dan mempunyai dokumen sebagai bukti pengukuran.
 2. Andaian tempoh perakaunan dan pepadanan.
Andaian tempoh perakaunan memerlukan hayat kekal perniagaan dibahagikan kepada tempoh-tempoh yang sama lamanya supaya laporan kewangan yang disediakan itu adalah lebih berguna kepada pengguna-pengguna maklumat kewangan. Satu daripada maklumat kewangan yang disediakan adalah penyata pendapatan di mana hasil dipadankan dengan belanja bagi menghitung untung atau rugi perniagaan bagi sesuatu tempoh perakaunan. Prinsip pepadanan merujuk kepada pengiktirafan belanja-belanja bagi tempoh hasil telah diperolehi dengan betul supaya pengukuran untung atau rugi bagi tempoh perakaunan berkenaan adalah tepat.
 3. Andaian entiti berasingan dan prinsip pengiktirafan hasil (realisasi)
Andaian entiti berasingan melihat perniagaan dan pemilik sebagai dua entiti yang berasingan. Ini bererti bahawa hanya urusan niaga yang melibatkan antara perniagaan dengan pemilik direkod dalam buku perakaunan, manakala urusan niaga peribadi pemilik tidak berkaitan dengan perniagaan dan tidak perlu direkod. Dalam perakaunan, urusan niaga antara perniagaan dengan pemilik direkod melalui akaun modal atau akaun ambilan. Hasil yang diterima bagi kerja hiasan semasa cuti oleh pemilik adalah urusan peribadi pemilik dan tidak boleh diiktiraf sebagai hasil perniagaan mengikut prinsip pengiktirafan hasil kerana ia tidak terperolehi oleh perniagaan. Tetapi, wang hasil peribadi yang dibawa masuk oleh pemilik adalah urusan niaga antara perniagaan dan pemilik dan akan direkod sebagai modal tambahan.
- (b) Bagi tujuan pengukuran untung atau rugi dengan betul bagi satu tempoh perakaunan, piawaian perakaunan memerlukan perniagaan menyediakan maklumat kewangan mengikut prinsip perakaunan asas akrual. Tetapi, perekodan sepanjang satu tempoh perakaunan adalah mengikut apa yang berlaku. Jadi, pada akhir tempoh perakaunan berkenaan, jumlah hasil yang diterima dan jumlah belanja yang dibayar adalah tidak sama dengan jumlah hasil dan belanja sebenar. Maka, pelarasan hari imbalan perlu dilakukan supaya hasil sebenar dipadankan dengan belanja sebenar bagi mengukur keuntungan perniagaan. Dengan ini, prinsip perakaunan asas akrual dipatuhi.

(c) Jadual persamaan perakaunan:

Urus niaga / Peristiwa	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti pemilik (RM)
1.	+50,000		+50,000
2.	+2,000 -2,000		
3.	+3,000 -3,000		
4.	+3,000	+3,000	
5.	+10,000 -10,000		
6.	+20,000	+20,000	
7.	+5,000	+5,000	
8.	+3,000 -2,000		+1,000
9.	+10,000 -10,000		
10.	+8,000 -3,000	+5,000	
11.	-300		-300
12.	-1,500	-1,500	
13.	+2,000 -1,400		+600
14.	-1,100	-1,000	-100
15.	-760		-760
16.	+1,950 -2,000		-50
17.	-2,000	-2,000	
18.	-500	+100	-600
19.	-300 -100 -100		-300 -100 -100
20.		+200	-200
21.	+1,000	+1,000	
JUMLAH	78,890	29,800	49,090